In spite of the widespread outrage, Besut District Council president Mohd Sukeri Ibrahim had defended the action, saying it was done in accordance with standard operating procedures.

"The handling of the stray dog adhered to the SOP established by the Ministry of Housing and Local Government and complied with Section 30 of the Animal Welfare Act," he said.

Mohd Sukeri said the operation was conducted under the Dog Licensing By-Laws of the Besut District Council, 1990, adding that this allowed the use of firearms in specific cases to manage or remove dangerous or wild animals.

"The regulation allows for any licensed or unlicensed dog, whose owner cannot be found, to be removed or handled as instructed by the council president or an

authorised officer," he said.

Was Kopi such an animal? Certainly not, according to locals.

As highlighted by the Stray Animal Feeders of Malaysia (SAFM), she was never reported to have posed a danger to anyone or disturbed the local community.

"Kopi was known to be a gentle animal, friendly with both humans and other animals, like cats. What justification was there for the decision to shoot?"

SAFM said Kopi was also not a stray as she was cared for by a regular feeder, noting that under the Animal Welfare Act, anyone who provides regular care and sustenance to an animal was legally considered its owner.

It is no secret that the more than 140 local councils in the country have been culling stray dogs to reduce their populations for decades although more humane options are available, such as the Trap-Neuter-Vaccinate-Release/Rehome (TNVR) programme practised by

many of our neighbouring countries.

Our local authorities should stop looking at culling as a quick fix solution as it has been proven to be a failed method of managing stray dog populations.

There may be a momentary drop in numbers, but the population usually rebounds with the remaining dogs reproducing and new dogs moving into the area. This leads to a cycle of repeated culling, which is both inhumane and unsustainable.

Instead of culling, which can be costly - requiring resources for trapping, handling and disposing of animals, local councils would be better off implementing more sustainable and effective methods for stray dog population management, such as TNVR and vaccinations against diseases such as rabies.

Mass vaccination campaigns, sterilisation programmes to reduce reproduction rates, and community-based education to promote responsible pet ownership and safe interactions with stray dogs could be better and more humane alternatives to choose.

Our local authorities should perhaps take a leaf from the Penang Island City Council, which has been working with the International Aid for the Protection and Welfare of Animals since 2017.

The international organisation partnered with the city council to set up and manage a humane programme for strays and provide it with the support needed.

Since then, thousands of stray dogs in Penang are no longer culled and are instead neutered, vaccinated, provided with any additional veterinary care they need, and either released back to their community or placed in supportive adoptive homes.

Media consultant M. Veera Pandiyan likes this observation by Abraham Lincoln: 'I care not for a man's religion whose dog and cat are not the better for it.' The views expressed here are entirely the writer's own.

THE STAR
23 OCT 2024

Tarikh:.....

PATRIOT expresses its deep concern over the many reports of gruesome cruelty towards animals, and in particular the cold-blooded killing of dogs.

Shooting or snaring and dragging stray dogs on streets are heinous acts that go very much against the care and compassion values being promoted by the Madani government.

In fact, it is against all universal values and as such puts our nation in bad light.

Patriot demands that local authorities stop such beastly

Put a permanent end to animal cruelty

acts immediately. Enough is enough.

The veterinary department should educate local authorities on more humane means of controlling the stray dog and cat population in the country.

Patriot also recommends that schools should encourage our young minds to have pets and educate the children about pet care and responsibility.

Discrimination against ani-

mals – especially dogs as can be easily perceived from the brutal actions taken nationwide – is a disease of the mind if not a convoluted manifestation of extremism.

Perhaps the legal fraternity can also play a role to help bring about the immediate stopping of all such cruel manifestations by hauling violating local authorities to court.

Patriot also expresses deep

concern over owners of pets, both cats and dogs, who fail to exercise personal responsibility in caring for their animals.

Action must be taken to hold people accountable.

LT COL DATUK ZARAZILAH
MOHD ALI (RTD)
President
Persatuan Patriot
Kebangsaan Malaysia

THE STAR

23 OCT 2024

Tarikh:.....

94
23/10

MBDK sita bengkel haram di belakang rumah

KLANG - Sebuah bengkel haram membaiki dan menyimpan alat ganti kenderaan di Pangsapuri Rebana, Bandar Bukit Raja di sini dikenakan tindakan sita oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

MBDK dalam kenyataan memaklumkan, tindakan itu diambil susulan pemeriksaan dan siasatan dijalankan anggota Jabatan Pelesenan bersama Jabatan Penguatkuasa di lokasi aduan.

"Pengusaha telah mendirikan struktur haram untuk dijadikan tempat membaiki dan menyimpan alat ganti kenderaan di belakang rumah tersebut.

"Majlis telah mengambil tindakan notis penutupan premis dan menyita dengan tali kuning MBDK di bawah Undang-Undang Kecil 3 Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian iaitu menjalankan aktiviti bengkel tanpa lesen," kata kenyataan itu pada Selasa.

Kenyataan itu turut memaklumkan, Jabatan Penguatkuasa juga telah membuat pemeriksaan di premis berkenaan pada 13 Ogos lalu namun premis tersebut didapati tidak beroperasi.

"Pemeriksaan juga mendapati struktur binaan itu tidak mempunyai kelulusan kebenaran merancang daripada MBDK," tambahnya.



Bengkel haram membaiki dan menyimpan alat ganti kenderaan yang disita di Pangsapuri Rebana, Bandar Bukit Raja, Klang baru-baru ini.

SINAR HARIAN
Tarikh: 23 OCT 2024

Laporan alam sekitar termasuk pendedahan tapak pelupusan e-waste haram di Selangor dan Johor diiktiraf

23/10

Sinar Harian terima Anugerah Media Suara Masyarakat Lestari

Oleh NURUL HIDAYAH
HAMID
LANGKAWI

Sinar Harian menerima Anugerah Media Suara Masyarakat Lestari daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bersempena Sambutan Alam Sekitar Negara (HASN) 2024 Peringkat Kebangsaan di sini pada Isnin malam.

Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin berkenaan menyampaikan anugerah kepada Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Zamri Ramli.

Sinar Harian membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 dan sijil penghargaan.

Hadir sama, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Zamri berkata, pihaknya mengucapkan jutaan terima kasih kepada NRES serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) atas peng-anugerahan ini.

Beliau berkata, Anugerah Media Suara Masyarakat Lestari ini adalah satu pengiktirafan untuk seluruh tenaga kerja Sinar Harian yang selama ini sentiasa menghasilkan pelbagai laporan berita, artikel dan video berkaitan alam sekitar.

"Sejak tahun ini Sinar Harian turut menjenamakan laporan pemberitaan alam sekitar di bawah Lestari@Sinar seiring inisia-

tif amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"Antara beberapa laporan utama di bawah inisiatif ESG Lestari@Sinar tahun ini termasuk kempen pelupusan e-waste yang betul untuk menjaga alam sekitar," katanya.

Zamri berkata, lantaran itu, wartawan Sinar Harian tahun ini mendedahkan beberapa tapak pelupusan e-waste haram di Selangor dan kilang-kilang e-waste seludup di Segamat, Johor.

Menurut beliau lagi, hasil laporan itu, JAS, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengadakan serbuan dan mengambil tindakan terhadap sindiket-sindiket terbabit.

Sementara itu, Nik Nazmi berkata, Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun mengekalkan tema Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama turut memartabatkan komitmen semua pihak melalui anugerah seperti ini.

Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar (ALKAS) dan Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Kebangsaan Sesi 2023/2024.

Beliau berkata, anugerah ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan tertinggi negara kepada individu dan organisasi di Malaysia yang telah memberikan sumbangan besar dan signifikan ke arah kelestarian alam sekitar.



Tengku Sarafudin (tiga dari kiri) berkenaan menyampaikan Anugerah Media Suara Masyarakat Lestari kepada Zamri (tiga dari kanan) bersempena Majlis Perasmian Sambutan Alam Sekitar Negara (HASN) 2024 Peringkat Kebangsaan pada Isnin malam.

Nik Nazmi menambah, anugerah ini juga tercetus daripada Deklarasi Langkawi yang telah ditandatangani oleh Ketua-Ketua Negara Komanwel pada tahun 1989.

Beliau menyatakan, peng-anugerahan ALKAS turut mendapat pengiktirafan Yang di-Pertuan Agong.

"Sumbangan penerima-penerima ALKAS ini melangkaui perkara-perkara berkaitan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, bahkan ia meliputi keseluruhan aspek pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Beliau menyifatkan penerima

anugerah individu dipilih daripada tokoh masyarakat dan organisasi yang membantu menggerakkan komuniti dan rakyat Malaysia untuk bersama-sama melaksanakan agenda kelestarian alam sekitar.

"Ini adalah pendekatan keseluruhan negara yang diinspirasi di mana kerajaan dan masyarakat bersama-sama berganding bahu, dalam memelihara dan memulihara alam sekitar demi masa depan generasi akan datang.

Selain Sinar Harian, agensi media Bernama menerima Anugerah Media Penulisan Cakna Alam Sekitar dan Radio

Televisyen Malaysia (RTM) pula mendapat Anugerah Kolaborasi Lintas Platform.

Di samping itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan organisasi yang menerima Anugerah Langkawi Sesi 2023/2024, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM50,000, plak dan sijil penghargaan.

Guru cemerlang Sekolah Menengah (SM) St Michael, Jenifer Asing pula menjadi calon individu menerima Anugerah Langkawi Sesi 2023/2024 manakala Majlis Daerah Beaufort pula Penghargaan Khas Panel Anugerah Langkawi.

SINAR HARIAN

23 OCT 2024

Tarikh:

Kenaikan gaji minimum tingkat kualiti hidup pekerja - SERI

SH 28/10

SHAH ALAM - Langkah kerajaan menaikkan gaji minimum kepada RM1,700 meningkatkan kualiti hidup pekerja di seluruh negara di samping mengiktiraf cabaran dihadapi perniagaan kecil dengan memperkenalkan perubahan berperingkat.



Inisiatif Penyelidikan Sosial dan Ekonomi (SERI) dalam satu kenyataan berkata, rancangan kerajaan untuk menaikkan gaji minimum penting bagi memastikan semua rakyat Malaysia yang bekerja menerima pampasan yang adil.

Menurutnya, untuk menyokong perniagaan kecil, penangguhan sementara keperluan gaji minimum untuk perusahaan mempunyai kurang daripada lima pekerja telah dicadangkan yang akan berkuat kuasa sehingga 1 Ogos 2025.

"Keputusan strategik ini bertujuan untuk mencapai keseimbangan antara melindungi hak pekerja dan membolehkan perniagaan kecil menyesuaikan diri tanpa beban tidak sepatutnya," katanya pada Selasa.

Ujarnya lagi, SERI percaya menyediakan garis panduan gaji minimum komprehensif untuk semua sektor seperti dijanjikan Kementerian Sumber Manusia akan memperkasakan pekerja dengan pengetahuan tentang gaji yang adil.

Dalam pada itu, organisasi tersebut juga menggalakkan pemilik perniagaan kecil untuk melibatkan diri dengan garis panduan berkenaan bagi memupuk persekitaran kerja menyokong sambil terus berkembang maju dalam persaingan pasaran.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.3.OCT...2024.....

84
23/10

Perbaharui struktur gaji ikut kelulusan

Penetapan gaji minimum RM1,700 sebagai tanda syarikat boleh pertimbang struktur gaji baharu

Oleh NOR SYAMIRA LIANA
NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Majikan disaran memperbaharui struktur gaji mengikut kelulusan ekoran kerajaan menetapkan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 berkuat kuasa 1 Februari 2025.

Pensyarah Bidang Pengurusan Sumber Manusia di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Abdul Rahim Zumrah berkata, penetapan tersebut adalah tanda bahawa syarikat boleh mempertimbangkan struktur gaji baharu dengan mengambil kira aspek kelulusan.

"Dalam hal ini, kerajaan hanya menyentuh 'akar' dengan penetapan gaji asas baharu daripada RM1,500 kepada RM1,700. Ini adalah signal kepada majikan untuk turut menaikkan gaji pekerja mengikut kelayakan mereka (kelulusan pekerja).

"Pihak kerajaan tidak boleh menetapkan gaji minimum berdasarkan kelulusan kerana kemampuan kewangan setiap majikan adalah berbeza.

"Sebagai contoh tidak adil jika kerajaan menetapkan RM2,500 bagi kelulusan ijazah sarjana muda kerana ada syarikat yang mampu membayar lebih daripada amaun berkenaan. Begitu juga ada syarikat yang tidak mampu atas faktor kewangan," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Sebelum ini, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong telah mengingatkan kepada majikan untuk tidak meletakkan kenaikan kadar gaji minimum sebagai gaji permulaan kepada pekerja di semua sektor pekerjaan terutama graduan lepasan universiti.



ABDUL RAHIM

Menurutnya, gaji minimum adalah bukan gaji permulaan ditetapkan kepada semua pekerja khususnya graduan sebaliknya ia merupakan gaji dibayar kepada pekerja asas dengan kelayakan akademik rendah termasuk sektor kotor, bahaya dan sukar (3D).

Mengulas lanjut, Abdul Rahim berkata, walaupun kerajaan tidak

menyentuh secara terus terhadap setiap tahap kelulusan pendidikan, namun majikan perlu cakna hal berkenaan.

Jelasnya, jika tidak berbuat demikian maka ia akan menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pekerja kerana jurang gaji tidak signifikan antara pekerja yang memiliki perbezaan kelulusan.

"Hal ini tidak boleh pandang ringan. Majikan perlu mempertimbangkan struktur gaji baharu di semua peringkat (kelulusan) tidak kira berapa sahaja kenaikan itu, janji ada perubahan (pertambahan gaji) dan perbezaan signifikan berdasarkan kelulusan," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh: 23 OCT 2024

84 28/10

Semua jabatan perlu 'dibersihkan' - ABIM

SHAH ALAM - Usaha memerangi rasuah perlu dilakukan secara berterusan menerusi tindakan skala besar dengan pemantauan dan penguatkuasaan secara menyeluruh serta konsisten.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, pembersihan terhadap Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) baru-baru ini merupakan amaran kepada semua pihak yang terlibat dengan kegiatan rasuah.

"Kita menyokong sebarang usaha untuk memerangi rasuah dari

pada mana-mana pihak. Dalam konteks JIM, pembersihan besar-besaran sangat diperlukan kerana terdapat sesetengah pegawai dan penguat kuasa JIM terlibat sebagai pengkhianat negara.

"Jawatan dan kuasa yang dimiliki adalah tanggungjawab besar untuk dipikul sebagai amanah, bukan untuk disalahgunakan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Sebelum ini media melaporkan operasi bersepadu SPRM dan JIM membongkar kegiatan *counter setting* di pintu masuk negara sehingga tertangkapnya 50 pegawai penguat kuasa yang belot perlu menjadi

titik tolak pembersihan besar-besaran JIM daripada skandal rasuah dan penyelewengan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mendedahkan, operasi yang giat dijalankan ketika ini tidak akan berjaya tanpa perbincangan sulit dengan bekas Ketua Pengarah JIM, Datuk Ruslin Jusoh selain maklumat dalaman daripada beberapa pegawai jabatan berkenaan.

Menurut beliau, inisiatif Ruslin yang ingin membersihkan JIM dari aspek tata-keola, isu rasuah dan masalah integriti tidak kira di peringkat tertinggi mahupun bawah wajar dipuji serta dijadikan tau-ladan oleh jabatan lain.



ZAIRUDIN

Bagaimanapun, menurut Zairudin, usaha seperti itu tidak akan berjaya jika dilaksanakan secara bermusim dan bersifat fokus kepada agensi atau jabatan tertentu saja.

Justeru katanya, individu atau pihak yang mengetahui mengenai kegiatan tersebut wajib terus melaporkannya kepada Jabatan Integriti tanpa berlembang di bahagian yang berkaitan.

Tambah beliau, hanya dengan keberanian bertindak sahaja dapat membendung atau melenyapkan kegiatan rasuah.

Mengulas lanjut, Zairudin berkata, selain usaha daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kerjasama rentas antara kementerian juga perlu dilaksanakan.



Muka depan *Sinar Harian* pada Selasa.

SINAR HARIAN

Tarikh:23 OCT 2024.....

'Bagaimana kerajaan nak kenal pasti T15?' 844 23/10

Ka Siong dakwa sistem dua harga RON95 tidak bijak, bakal rumitkan banyak pihak

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**
KUALA LUMPUR

Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong mempersoalkan bagaimana kerajaan mahu mengenal pasti golongan T15 dalam melaksanakan sistem dua harga bagi petrol RON95.

Beliau berkata, tindakan itu akan merumitkan banyak pihak termasuk pengendali, pekerja serta pengguna di stesen minyak.

"Pada pendapat saya, ini adalah idea kurang sempurna dan kurang bijak yang akan merumitkan pengendali dan pekerja di stesen petrol, pengguna ketika mengisi minyak serta menambah kos kepada proses menjual petrol.

"Kenapa pula 85 peratus rakyat dan stesen petrol dirumitkan hanya sebab mahu kenakan 15 peratus?" katanya ketika sesi Perbahasan Peringkat Dasar Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Ka Siong sebaliknya berpandangan, kerajaan boleh mengenakan levi petrol kepada golongan T15 ketika memperbaharui cukai jalan.

"Sekiranya kerajaan sudah kenal pasti siapa dalam golongan T15, kenapa pula kerajaan tidak kenakan sahaja levi petrol ke atas golongan ini ketika mereka memperbaharui road tax (cukai jalan)?"

"Selain mengenal pasti golongan T15, kerajaan juga boleh kenakan levi petrol ke atas kenderaan petrol baharu yang bernilai RM300,000 ke atas," ujarnya.

Ka Siong yang juga Presiden MCA



Pelaksanaan dua harga bagi RON95 dijangka menyusahkan pengendali dan pekerja, serta pengguna di stesen minyak. - Gambar hiasan

turut meminta kerajaan konsisten dengan kumpulan T15 yang baru diwujudkan itu.

"Tak boleh sesuka hati, sekejap T15, T18, T20, maha kayalah. Saya menganggap pasangan guru gred DG48 ke atas dikategorikan sebagai T15 dan dianggap sebagai mahakaya adalah tidak adil bagi pasangan suami isteri yang rajin bekerja.

"Ini seolah-olah menghukum pasangan suami isteri yang rajin bekerja setiap hari untuk memperoleh RM13,295 sebulan. Mana mungkin gaya hidup pasangan guru ini setaraf dengan jutawan," katanya.

Sementara itu, Lim Guan Eng (PH-Bagan) menggesa kerajaan menetapkan had pendapatan RM15,000 sebulan untuk T15 yang tidak akan menerima subsidi petrol RON95.

"Dalam kerangka menentukan had isi rumah golongan T15 untuk program subsidi petrol RON95, ia harus mencerminkan



WEE KA SIONG

kan upah hidup rakyat.

"Ia juga seharusnya ditetapkan secara inklusif dalam lingkungan RM15,000 sebulan," katanya.

Guan Eng juga meminta kerajaan mendedahkan butiran setiap cukai yang dicadangkan kali ini supaya mendapat gambaran per-cukai lebih komprehensif.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan kenyataan Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Putra Business School (PBS), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff yang menjangkakan golongan T15 adalah mereka yang memiliki pendapatan isi rumah melebihi RM13,000 sebulan.

Ketika pelaksanaan penyasaran subsidi diesel sebelum ini, kerajaan meletakkan penerima bantuan Budi Madani mempunyai pendapatan isi rumah tidak lebih daripada RM100,000 setahun iaitu bersamaan RM8,333 sebulan.

Rebat tunai lebih mudah, kurang ketirisan - Shahril

SHAH ALAM
- Kaedah rebat tunai dalam pelaksanaan subsidi bersasar RON95 lebih mudah dan kurang risiko ketirisan berbanding penggunaan sistem pengesahan MyKad.



SHAHRI SUFIAN

Bekas Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan berkata, berdasarkan rujukan kajian, terdapat beberapa cabaran akan dihadapi rakyat sekiranya kerajaan menggunakan mekanisme MyKad tersebut dalam penyasaran subsidi.

"Pada saya, ia (kaedah MyKad) cantic dari segi teori tetapi dalam pelaksanaan atau apabila baca kajian, perkara ini memang akan terdedah kepada penyalahgunaan. Maknanya, kita boleh pakai orang lain punya MyKad untuk mengisi minyak.

"Kedua, bayangkan masa yang diambil. Hendak masukkan MyKad dalam mesin untuk pengesahan mungkin (makan) tambahan masa.

"Jadi kos, masa di pam minyak itu sendiri dan boleh ada risiko ketirisan yang besar," katanya ketika bersiaran dalam Podcast Keluar Sekejap pada Isnin.

Shahril yang juga bekas Penasihat Ekonomi di Pejabat Perdana Menteri turut mencadangkan supaya jumlah rebat tunai itu ditentukan pada kadar berbeza dan diberikan kepada rakyat berdasarkan perbelanjaan bulanan mereka untuk RON95.

"Ia jadi seperti GST (cukai barang dan perkhidmatan). Rakyat dibolehkan untuk tuntutan balik (jumlah yang dibelanjakan oleh mereka).

"Itu lebih mudah dan kurang risiko ketirisan berbanding dengan menggunakan MyKad atau sebarang kad," ujar beliau.

SINAR HARIAN

23 OCT 2024

Tarikh:

Perdebatan kaedah terbaik penyiasaran subsidi petrol

Sistem dua harga RON95 di stesen minyak dikhuatiri buka ruang eksploitasi

PUTRAJAYA

84 23/10

Cadangan supaya kerajaan menggunakan sistem dua harga di pam minyak sebagai mekanisme pelaksanaan subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun hadapan dibimbangi membuka lebih banyak ruang eksploitasi yang menyebabkan ketirisan.

Setiausaha Kehormat Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia (Bumipeda), Hanny Julia Haron berkata, kaedah itu dikhuatiri tidak berjaya mengekang ketirisan.

"Manusia akan sentiasa mencari jalan untuk mendapatkan harga yang lebih murah, sama ada mereka dalam golongan T15 atau yang lain," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar beliau, sistem yang dicadangkan itu juga akan merumitkan operasi stesen minyak berbanding pelaksanaan satu harga seperti sekarang.

"Sebagai contoh, jika pelanggan kini hanya memerlukan lima minit untuk mengisi minyak, namun sistem dua harga mungkin mengambil masa lebih lama untuk menyelesaikan transaksi.

"Ini akan memberi impak kepada kualiti servis, pengalaman pelanggan dan melibatkan kos operasi yang lebih tinggi," jelasnya.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli sebelum ini memaklumkan kerajaan sedang mempertimbang sistem dua harga supaya 15 peratus golongan mahakaya T15 dapat membayar kadar pasaran untuk petrol RON95 manakala 85 peratus rak-



Penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun hadapan mencetuskan pelbagai reaksi rakyat mengenai kesannya kepada kos sara hidup.



HANNY JULIA

yat menikmati harga subsidi semasa.

Rafizi berkata, kerajaan bagaimanapun sedang meneliti mekanisme terbaik bagi membolehkan perkara berkenaan dilaksanakan.

Pada masa sama, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican memaklumkan kerajaan juga sedang mempertimbang menggunakan pangkalan data yang dihubungkan dengan kad pengenalan, selain penggunaan e-dompot dan kad debit yang dijadikan sebahagian daripada mekanisme sistem penetapan harga bagi penyiasaran subsidi RON95.

Johan berkata, terdapat juga kemungkinan pelaksanaan itu menyamai Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Sementara itu, Hanny Julia berpendapat penggunaan MyKad adalah penyelesaian terbaik yang bersifat inklusif, selamat dan efisien kerana semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada MyKad.

Menurutnya, MyKad direka untuk menyokong pelbagai perkhidmatan kerajaan

termasuk pengagihan subsidi dalam satu kad.

"Ini menjadikan MyKad pilihan yang paling inklusif dan menyeluruh untuk melaksanakan penyiasaran subsidi secara adil kepada rakyat Malaysia.

"Penggunaan MyKad juga membolehkan kerajaan mengelakkan kos besar yang mungkin timbul jika memperkenalkan kad baharu atau sistem alternatif lain," ujarnya.

Tambah Hanny Julia, menerusi pelaburan yang tepat dalam meningkatkan infrastruktur dan teknologi yang menyokong MyKad, kerajaan boleh memastikan sistem subsidi berfungsi dengan baik "Walaupun melibatkan kos dan masa pelaksanaan, ia tetap merupakan pelaburan jangka panjang yang paling berbaloi dan berkesan.

"Oleh itu, syarikat minyak wajar menaik taraf perisian dan perkakasan mereka bagi menyokong sistem subsidi ini.

"Namun, kerajaan harus memberikan masa yang mencukupi kepada syarikat minyak untuk menaik taraf sistem mereka," katanya.

Jelas beliau, tidak dinafikan kad debit dan e-dompot mempunyai kelebihan tersendiri namun masih terdapat risiko penipuan dan kekangan akses di kawasan luar bandar.

INFO SYOR
MEKANISME
SUBSIDI
PETROL
RON95



1. Wujudkan sistem dua harga di pam minyak.

- 85 peratus rakyat beli pada harga subsidi manakala T15 bayar ikut harga pasaran. Masalahnya, bagaimana untuk bezakan siapa T15?

Antara cadangan:

- Pengguna bayar guna kad pengenalan, e-dompot atau kad debit yang telah dihubungkan terus ke pangkalan data seperti PADU bagi menentukan kelayakan subsidi.

2. Apungkan harga petrol pada satu harga sahaja.

- Ini sama seperti dilakukan ke atas diesel. Jun lalu dan memberi bantuan tunai secara bulanan kepada mereka yang layak dapat subsidi.

3. Contoh Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

- Di bawah sistem ini, kenderaan petrol boleh dibahagikan mengikut kategori tertentu seperti kapasiti cc enjin, dan pemilik kenderaan yang layak akan mendapat kad fleet yang akan digunakan ketika membeli bahan api di pam minyak.

4. Rebat tunai

- Pengguna beli pada harga pasaran dan membuat tuntutan balik kepada kerajaan berdasarkan perbelanjaan bulanan untuk RON95. Ia sama seperti tuntutan balik cukai GST.

5. Kenakan levi petrol RM2,500 setahun

- Kenakan levi petrol ke atas kelompok T15 ketika memperbaharui cukai jalan kenderaan. Kenakan juga levi ke atas kenderaan petrol baharu bernilai RM300,000 ke atas. Nilai levi dianggarkan RM2,500 setahun, mengambil kira T15 beli anggaran 50 liter petrol subsidi dalam seminggu.

Kaedah pelaksanaan subsidi diesel sekarang

Pengangkutan awam: SKDS 1.0.

Kenderaan logistik: SKDS 2.0 yang menggunakan kaedah kad fleet. Pemilik kenderaan diesel persendirian: Bantuan tunai BUDI Individu RM200 sebulan.

Petani dan pekebun kecil komoditi: Bantuan tunai BUDI Agri-Komoditi RM200 sebulan.



SINAR HARIAN

23 OCT 2024
Tarikh:

84
29/10

Laksanakan analisis faedah kos bagi penyasaran subsidi



RAFIDAH AZIZ

KUALA LUMPUR - Tan Sri Rafidah Aziz menyarankan agar penyasaran subsidi yang bakal dilaksanakan pada tahun depan diperhalusi, termasuk melaksanakan analisis faedah kos bagi memastikan setiap perancangan dapat memberi manfaat kepada rakyat.

Mantan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata, ini juga penting supaya golongan rakyat berhak menerima subsidi yang diperuntukkan secara saksama.

"Pelaksanaan itu kena betul-betul bersasar dengan tepat," katanya ke-

pada pemberita selepas melancarkan buku bertajuk *Fathers and Their Wisdom* di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi mengulas berkenaan pelaksanaan penyasaran subsidi yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan Madani Ketiga 2025 pada 18 Oktober lepas.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, setiap penyasaran adalah untuk membetulkan ketempangan amalan subsidi pukal yang memberi manfaat kepada ke-

lompok elit maha kaya dan warga asing.

Dalam pada itu, Rafidah menekankan pelaksanaan sistem pemantauan perbelanjaan belanjawan secara berkala di setiap peringkat tata urus kerajaan daripada peringkat daerah, kerajaan tempatan hingga ke kementerian bagi memastikan tiada penyelewengan atau rasuah berlaku.

Beliau juga mengingatkan agar setiap agensi dan badan membelanjakan peruntukan diterima dengan sebaik mungkin.

"Jangan kita memainkan duit rakyat ini dan elak bermewah. Adalah penting agar setiap ringgit dibelanjakan dengan apa yang ditentukan dan dirancang," katanya.

Rafidah juga berharap golongan atasan atau kaya tidak ditekan dengan pelaksanaan cukai baharu yang membebaskan kerana mereka turut menyumbang kepada pendapatan negara.

"Jangan pandang dari segi duit, tetapi nilai tambah pada setiap entiti perniagaan yang ada," katanya. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh:2.3 OCT 2024.....

Aktiviti hutan simpan, taman eko Selangor ditutup sementara

84 28/10
SHAH ALAM – Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengumumkan penutupan sementara semua aktiviti rekreasi di Hutan Simpanan Kekal dan Taman Eko Rimba di bawah seliaannya bermula 15 November ini.

Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, Azhar Ahmad berkata, penutupan sementara berkenaan sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelak sebarang risiko kemalangan kepada pengunjung berikutan musim Monsun Timur Laut.

“Dimaklumkan bahawa penutupan sementara semua aktiviti rekreasi di dalam Hutan Simpanan Kekal dan Taman Eko Rimba di bawah Pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

“Penutupan sementara ini bermula dari 15 November hingga 31 Januari 2025,” katanya menerusi satu kenyataan pada Selasa.

Monsun Timur Laut membawa hujan lebat terutamanya kepada negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Barat Sarawak dan Timur Sabah manakala Monsun Barat Daya secara relatifnya menunjukkan cuaca yang lebih kering.

Ia menyaksikan empat hingga enam episod hujan lebat berterusan sepanjang Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada Mac tahun depan.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.3.OCT.2024....

84
23/10

3 anggota polis tidak mengaku salah terima rasuah

MELAKA - Tiga anggota polis didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini pada Selasa atas tuduhan meminta dan menerima suapan bagi melindungi pasangan kekasih yang ditahan berduaan.

Tertuduh, Muhamad Adham Samsudin, 34, Wan Muhammad Fauzi Zulkefli, 29, dan Muhammad Najib Muhamad, 36, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah, sebaik dua pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan pertama, kesemua tertuduh didakwa meminta secara rasuah wang tunai RM3,000 daripada sepasang kekasih sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan lanjut selepas ditahan berduaan dalam kenderaan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di dalam bilik rehat 'Ops Lejang' Balai Polis Melaka Tengah antara jam 2.40 pagi hingga 3.30 pagi, pada 7 Oktober 2023.



Tiga anggota polis dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Selasa.

Bagi pertuduhan kedua pula, mereka didakwa menerima wang rasuah itu ketika berada di meja batu bersebelahan Pondok Polis Pelancong, Jonker Walk sekitar jam 4 hingga 4.30 pagi pada tarikh sama.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Abd Muntaqim Abdul Aziz mencadangkan jaminan RM10,000 dan memohon syarat tambahan supaya tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melapor diri di pejabat SPRM

Melaka sekali setiap bulan.

Kesemua tertuduh yang diwakili peguam Umar Zulkarnain bagaimanapun merayu jumlah jaminan dikurangkan.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM8,000 bagi setiap tertuduh serta bersetuju dengan syarat-syarat tambahan yang dipohon oleh pihak pendakwa.

Mahkamah menetapkan 20 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.

SINAR HARIAN
Tarikh: 23 OCT 2024

Ahli lembaga koperasi direman 5 hari

84
23/10

Disyaki salah guna jawatan, babitkan wang RM3.2 juta

IPOH

Seorang pegawai khas projek yang juga ahli lembaga sebuah koperasi direman lima hari bermula Selasa hingga 26 Oktober ini kerana disyaki menyalahgunakan jawatan, membabitkan wang sebanyak RM3.2 juta.

Perintah reman terhadap lelaki berusia lingkungan 40-an itu dikeluarkan Majistret Siti Hanum Mohamad Sah di Mahkamah Majistret Sivil 1 di sini jam 10.45 pagi.

Terdahulu, lelaki yang berpakaian lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu tiba di Kompleks Bangunan Mahkamah Tinggi Ipoh pada jam 10.20 pagi de-



Seorang pegawai khas projek yang juga ahli lembaga sebuah koperasi (kiri) direman lima hari bermula Selasa hingga 26 Oktober ini.

ngan menaiki van SPRM.

Menurut sumber SPRM, suspek ditahan di Pejabat SPRM Perak, di sini pada jam 2.25 petang, Isnin kerana disyaki melakukan dua kesalahan menyalahgunakan kedudukannya sebagai ahli lembaga koperasi.

Pertama, suspek disyaki menyalah guna kedudukannya dengan mengarahkan wang pelaburan bernilai RM700,000 daripada sebuah koperasi di-

masuknya ke akaun syarikat milik adiknya tanpa pelaksanaan projek.

Suspek juga disyaki menyalah guna kedudukannya dengan mengarahkan wang pelaburan bernilai RM2.5 juta daripada sebuah syarikat dimasukkan ke akaun syarikat milik isterinya tanpa sebarang pelaksanaan projek, dan kedua-dua kes itu disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009. - Bernama

SINAR HARIAN
23 OCT 2024
Tarikh:

Kenaikan gaji penjawat awam dijangka pacu jualan kereta

BIMB Securities menjangkakan peningkatan gaji penjawat awam akan memberi impak positif kepada jualan kereta di Malaysia.

Firma penyelidikan itu dalam nota kajiannya menyatakan keyakinan bahawa kenaikan gaji akan meningkatkan kuasa beli dan merancakkan perbelanjaan pengguna, terutama dalam pembelian kenderaan.

"Kami percaya peningkatan gaji penjawat awam akan meningkatkan perbelanjaan pengguna dan merancakkan jualan automotif," kata BIMB Securities.

Unjuran positif ini dibuat meskipun jumlah jualan keseluruhan atau TIV mencatatkan penurunan mendadak sebanyak 18.5 peratus pada September.

Penurunan TIV kepada 58,032 unit didorong oleh beberapa faktor, termasuk penutupan operasi pengeluaran peralatan asli (OEM) bagi tujuan penyelenggaraan dan pe-



ralihan model, pengurangan hari bekerja akibat cuti umum dan jangkakan pengguna terhadap insentif dalam Belanjawan 2025.

"Walaupun TIV September merosot, angka jualan bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini masih meningkat sebanyak 3.9 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu," kata BIMB Securities.

Selain kenaikan gaji penjawat awam, pengenalan subsidi RON95 bersasar menjelang pertengahan 2025 juga dijangka memberi impak positif.

"Langkah ini berkemungkinan akan mengalihkan permintaan pengguna ke arah kenderaan ce- kap tenaga dan kenderaan elektrik



Kerangka insentif cukai EV distruktur untuk menggalakkan peralihan kepada EV pemasangan tempatan.

(EV)," kata BIMB Securities.

Dasar ini, yang akan memansuhkan subsidi bagi warga asing dan 15 peratus golongan berpendapatan tinggi, dijangka mendorong

perubahan tingkah laku, terutama dalam kalangan golongan T15 yang mungkin beralih kepada EV bagi menampung peningkatan kos bahan api.

"Golongan M40 dan berpendapatan rendah akan terus menikmati subsidi bahan api, meliputi 85 peratus populasi," jelas firma itu.

BIMB Securities mengekalkan saranan 'wajaran tinggi' bagi sektor automotif dengan saranan 'bell' untuk saham Bermaz Auto dengan harga sasaran RM2.80 dan Sime Darby (harga sasaran RM3.00), selain pegang untuk saham MBM Resources (harga sasaran RM5.50).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat minggu lalu mengumumkan kerangka insentif cukai EV telah distruktur supaya selari dengan hasrat untuk menggalakkan peralihan kepada EV pemasangan tempatan.

Pada masa ini, PERODUA sedang merancang untuk mengeluarkan EV berharga di bawah RM100,000 bagi memenuhi permintaan rakyat.

BERITA HARIAN

Tarikh.....2.3.OCT.2024.....

GIS persediaan berkesan hadapi risiko bencana alam

Oleh Dr Nurul Asyikin Ibhahirim
dan Dr Rabiatul Adawiyah Nasir
bhrencana@bh.com.my



Susulan Malaysia berdepan fasa peralihan Monsun Timur Laut bermula bulan depan, Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang memantau 3,200 cerun diklasifikasikan berisiko di seluruh negara.



Kejadian tanah runtuh bukanlah baru di negara ini, malah saban tahun kita sering mendengar insiden tanah runtuh termasuk meragut nyawa dan menyebabkan kemusnahan harta benda.

Namun dengan kemajuan teknologi, kawasan berisiko tinggi untuk tanah runtuh berlaku boleh diramal. Antara teknologi semakin mendapat perhatian ialah sistem maklumat geografi (GIS).

Tanah runtuh biasanya berlaku apabila kestabilan tanah terganggu, sama ada disebabkan aktiviti manusia seperti pembinaan dan penebangan hutan atau faktor semula jadi seperti gempa bumi dan hujan berlebihan.

Walaupun kejadian ini sukar dielakkan sepenuhnya, kita boleh mengambil langkah berjaga-jaga dengan memetakan kawasan berpotensi mengalami runtuhan yang boleh dilakukan menggunakan GIS.

Ini kerana GIS membolehkan kita mengumpul, menyimpan, menganalisis dan mevisualisasikan data berdasarkan lokasi.

GIS memudahkan pengumpulan data daripada pelbagai sumber dan menggabungkannya dalam bentuk peta mudah difahami.

Ia berfungsi dengan memproses dan menganalisis data daripada pelbagai sumber seperti data kecondongan tanah, iaitu topografi, jenis tanah, keadaan dan corak hujan serta penggunaan tanah.

Data ini kemudian diintegrasikan dan dianalisis untuk menghasilkan peta risiko tanah runtuh. Ini menjadikan GIS sebagai kaedah sangat berkesan dalam membuat keputusan berkaitan perancangan bandar, pembinaan infrastruktur, dan pengurusan risiko bencana alam.

Penggunaan GIS bukan sahaja membolehkan kita meramal kawasan berpotensi tanah runtuh, malah membantu dalam merancang tindakan mitigasi lebih berkesan.

Dengan peta risiko tanah runtuh, pihak berkuasa boleh mengambil langkah awal seperti memasang sistem amaran awal, mengehadkan pembangunan di kawasan berisiko dan merancang saliran air lebih baik untuk mengurangkan impak hujan.

GIS memudahkan komunikasi antara pihak berkuasa dengan orang awam. Peta risiko dihasilkan boleh dipaparkan dalam talian atau digunakan dalam kempen kesedaran bagi mendidik masyarakat

terhadap bahaya tanah runtuh.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Seksyen Dasar dan Perancangan, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Munirah Zulkaple, kerajaan melalui Pelan Induk Cerun Negara (PICN) memberikan dasar, strategi dan pelan tindakan negara terperinci, menyeluruh dan berkesan untuk mengurangkan risiko bencana tanah runtuh di seluruh negara.

Usaha sudah dibuat untuk memasukkan data daripada pengamal profesional tempatan dan antarabangsa, badan kerajaan dan pertubuhan awam ke dalam proses perancangan yang bertujuan mengurangkan kerosakan serta kehilangan mengakibatkan kerugian ekonomi.

Teknologi GIS membuka peluang besar dalam usaha meramal dan mencegah kejadian tanah runtuh. Dengan kemampuan mengumpul dan menganalisis data secara komprehensif, ia dapat membantu dalam meramalkan kawasan berpotensi mengalami tanah runtuh, seterusnya menyelamatkan nyawa dan harta benda.

Namun, seperti mana-mana teknologi lain, kejayaan GIS bergantung kepada penggunaannya secara berterusan dan sokongan pihak berkuasa serta masyarakat.

Kerjasama ini penting bagi memastikan teknologi ini digunakan dengan cara paling berkesan dalam usaha mengurangkan risiko tanah runtuh di negara ini.

Pensyarah Kanan
Pengajian Sains
Geomatik
dan Sumber Alam,
Kolej Pengajian
Alam Bina,
Universiti Teknologi
MARA (UTIM)

BERITA HARIAN
Tarikh.....2.3...OCT...2024....



Sidang Dewan Rakyat

Dasar noktah kemiskinan tegar tak mengira kaum

Perdana Menteri tegaskan setiap warganegara wajib dibantu tanpa diskriminasi

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dasar Kerajaan MADANI adalah tidak mengira kaum dalam usaha menamatkan kemiskinan tegar di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kerajaan sedar majoriti mereka yang miskin tegar adalah kaum Melayu tetapi secara keseluruhannya inisiatif dilakukan kerajaan adalah untuk semua kaum di negara ini.

Beliau juga berkata kerajaan sedar ada kategori termiskin dari kaum India juga.

"Sebagai contoh, apabila kita

selesaikan miskin tegar di Kuala Lumpur, kita tidak ikut kaum, maknanya semua masyarakat miskin tegar, Melayu, jumlah kecil masyarakat Cina tapi besar (jumlahnya) dalam masyarakat India. Itu diselesaikan.

"Tidak benar dikatakan (inisiatif) hanya untuk Melayu tapi tentunya majoriti ialah masyarakat Melayu. Saya harap penjelasan ini jelas dan jika ada kenyataan sebaliknya, maklum pada saya kerana ia bertentangan dengan dasar kita.

"Siapa saja yang masuk golongan miskin tegar, asalkan warganegara, ia wajib dibantu tanpa diskriminasi," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan S Kesavan (PN-Sungai Siput).

Menjawab soalan asal Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang) mengenai usaha kerajaan untuk menamatkan miskin tegar dan mekanisme yang digunakan bagi menentukan kategori miskin tegar, Perdana Menteri berkata sehingga

kelmarin, sebanyak 15,029 ketua isi rumah (KIR), iaitu 65.6 peratus miskin tegar dapat dinoktahkan daripada 22,893 KIR yang direkodkan pada 1 Ogos lalu.

Jumlah itu termasuk penambatan KIR miskin tegar baharu.

Tolak andaian pembangkang

Dari segi mekanisme katanya, kerajaan akan beralih daripada pengukuran berdasarkan pendapatan isi rumah kepada per kapita, yang disifatkan lebih tepat kerana mengambil kira jumlah anak dan tanggungan.

Perdana Menteri menolak andaian pembangkang bahawa usaha itu gagal kerana jumlah kes miskin tegar sentiasa ditambah dengan kerjasama bersama agensi pusat dan kerajaan negeri.

"Saya rujuk kepada semua kerajaan negeri, termasuk Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan pegawai jajahan.

"Setakat ini, saya tidak ada masalah dengan kerajaan negeri dan Menteri Besar, tidak seperti dengan Ahli Parlimen kerana mereka memberikan kerjasama sepenuhnya," katanya.

BERITA HARIAN
23 OCT 2024
Tarikh.....

Belanjawan miliki dasar sedikit keras demi kesejahteraan rakyat

- Subsidi pukal bahan api, elektrik, air, perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan barangan keperluan asas diperoleh 15 peratus golongan 'maha kaya' dan warga asing akan dihentikan

- Dasar sedikit keras ini dapat jimatkan puluhan bilion ringgit yang kemudian boleh disalurkan ke sektor penting seperti pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan infrastruktur awam



Oleh Prof Madya Dr Mohd Azhar Abd Hamid
bhrencana@bh.com.my

Belanjawan 2025 adalah bajet terakhir dibentang kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). Kedua-dua belanjawan dibentangkan pada 2022 memberi kesan positif kepada ekonomi negara keseluruhannya.

Hampir semua petunjuk ekonomi berkaitan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), nilai ringgit, indeks Bursa Malaysia, jumlah nilai pelaburan, kadar inflasi dan Indeks Harga Pengguna (CPI) menunjukkan prestasi terbaik pasca pandemik.

Namun, Belanjawan 2025 masih menunjukkan kadar defisit fiskal sebanyak 3.8 peratus, namun kemampuan kerajaan melaksanakan dasar fiskal berhemah dan disokong reformasi institusi sedikit sebanyak memberi kesan bermakna kepada kesejahteraan hidup rakyat dan kemakmuran negara ketika ini.

Secara umumnya, sebanyak 85 peratus rakyat akan mendapat manfaat menerusi rasionalisasi subsidi bahan api, perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan barangan asas.

Selain itu, pelepasan cukai serta pelbagai insentif lain di sektor perkhidmatan, pertanian, pelancongan, perumahan dan perindustrian turut dinikmati rakyat terbanyak kecuali golongan 15 peratus (T15).

Pendek kata, sama ada secara langsung atau tidak, Belanjawan 2025 memberi impak kepada semua golongan masyarakat, secara horizontal mahupun vertikal.

Golongan berpendapatan rendah dan sederhana antara kumpulan sentiasa menjadi fokus serta perhatian kerajaan. Dengan iltizam menamatkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup, golongan ini dianggap paling bertuah kerana memperoleh 'durian runtuh' setiap kali bajet dibentangkan.

Daripada RM58.2 bilion diperuntuk kerajaan, RM13 bilion akan diagihkan secara tunai kepada sembilan juta penerima. Pelbagai skim bantuan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan bantuan tunai mencecah empat angka sebulan disediakan bagi meningkatkan kemandirian dan kehidupan golongan rentan untuk menjadi lebih mampan.

Selain itu, golongan ini turut dibantu pelbagai bantuan lain seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dengan jumlah RM250 juta. Sebanyak RM300 juta disediakan bagi tujuan Jualan Rahmah setiap bulan di semua Dewan Undangan Negeri (DUN).

Ekonomi MADANI sentiasa propetani, nelayan, penaja dan peneroka kerana kebanyakan daripada mereka berpendapatan rendah serta terdedah kepada insiden kemiskinan, selain terdedah eksploitasi orang tengah dan manipulasi kartel.

Pelbagai insentif, bantuan dan program disediakan untuk golongan ini bermatlamat serampang dua mata iaitu meningkatkan kese-

jahteraan hidup lebih bermaruah dan membantu meningkatkan keterjaminan makanan negara.

Memandangkan 80 peratus ekonomi domestik dipacu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), maka kerajaan menyediakan pelbagai insentif, bantuan kewangan dan program latihan serta nasihat untuk usahawan ini membesarkan skala perniagaan.

Sejumlah RM64.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan (KPM) dan RM18 bilion kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Pelbagai program, inisiatif dan projek akan dilaksanakan, sekali gus meningkatkan akses pendidikan, capaian internet, baik pulih prasarana, kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyediaan kurikulum masa hadapan berorientasikan penyelidikan.

Banyak manfaat turut dinikmati pekerja khususnya berada dalam kategori berpendapatan rendah dan sederhana. Pelbagai skim rasionalisasi subsidi, pelepasan cukai, kemudahan pendidikan dan latihan, kesihatan serta kemudahan awam lain bakal dinikmati mereka.

Kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 akan memberi manfaat kepada berjuta pekerja swasta termasuk jaminan keselamatan sosial di sektor informal dan ekonomi gig.

Bumiputera bernasib baik

Golongan Bumiputera disifatkan sangat bertuah, bernasib baik dan sentiasa dipedulikan setiap kali belanjawan dibentangkan. Pada belanjawan kali ini, peruntukan sebanyak RM1.3 bilion disediakan untuk memperkasa kontraktor Bumiputera kategori G1-G4.

Perdana Menteri menekankan tiada satu negeri pun akan 'dianaktirikan' dan terasing daripada pembangunan. Maka, kerajaan akan mengagihkan bantuan kewangan berdasarkan keperluan kritikal mengikut negeri.

Matlamatnya untuk mengagihkan manfaat ekonomi secara adil merentas daerah, negeri dan wilayah. Justeru, semua negeri di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak diluluskan *wish list* mendesak dan kritikal khususnya berkaitan



infrastruktur serta kemudahan awam.

Sabah dan Sarawak menerima pemberian khas sebanyak RM600 juta, amat bermanfaat kepada rakyat di kedua-dua negeri dalam meningkatkan kesejahteraan

dan kemakmuran hidup, terutama di kawasan kurang membangun dan terpencil.

Kerajaan turut menyediakan RM45.3 bilion kepada Kementerian Kesihatan (KKM), kedua tertinggi selepas KPM. Maka, beberapa projek hospital baharu, penambahbaikan prasarana sedia ada, pusat pembedahan, pengawalan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, pembelian ubat-ubatan dan penyelidikan berkaitan penyakit kritikal dapat diwujudkan.

Bagaimanapun, golongan T15 dan warga asing antara bakal terkesan dengan belanjawan tahun depan. Subsidi pukal bahan api, elektrik, air, perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan barangan keperluan asas diperoleh 15 peratus golongan 'maha kaya' dan warga asing akan dihentikan.

Ketika negara dibebani tanggungan hutang sebesar 64 peratus daripada KDNK dan hasil negara berkurangan kerana produktiviti rendah, subsidi pukal untuk golongan maha kaya wajar ini ditarik balik.

Walaupun segelintir pihak berpandangan keputusan kerajaan ini seperti menafikan hak golongan maha kaya yang turut membayar cukai dan merangsang ekonomi negara, namun keputusan ini wajar kerana situasi kewangan negara tidak mengizinkan.

Justeru, dasar sedikit keras ini dapat menjimatkan berpuluh-puluh bilion ringgit yang kemudian boleh disalurkan ke sektor penting seperti pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan infrastruktur awam.

Harapan rakyat supaya setiap sen peruntukan terbesar Belanjawan 2025 berjumlah RM421 bilion dibelanjakan dan diagihkan secara telus dan bertanggungjawab.

Kerajaan perlu buktikan kepada rakyat bahawa falsafah dan kerangka Ekonomi MADANI disulam dalam belanjawan bukan muluk-muluk dan suatu retorika.



Kenaikan gaji minimum beri kesan kepada harga barang

UM
23/10

KANGAR: Kenaikan gaji minimum sehingga RM1,700 yang disifatkan sebagai keputusan mengejut dijangka memberi kesan kepada kenaikan harga barangan antara 20 sehingga 30 peratus menjelang tahun depan.

Antara sektor yang dijangka mengalami kenaikan harga barangan tersebut seperti makanan, binaan, pengangkutan, borong, peruncitan dan pelbagai lagi dengan situasi berkenaan sukar dielak kerana majikan juga terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi khususnya di negeri-negeri luar bandar ini.

Malah di Perlis, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tiong Hwa negeri menjangkakan antara 40 ke 50 majikan bakal gulung tikar dengan pelaksanaan gaji minimum RM1,700.

Pengerusinya, Koay Chee Khoon berkata, majikan khususnya di Perlis yang kebanyakannya secara kecil-kecilan sahaja antaranya terpaksa mengalami peningkatan kos membayar gaji antara 20 peratus.

Katanya, jika pekerja baru contohnya dibayar gaji minimum RM1,700 sudah pasti pekerja separa mahir dan mahir yang lama berkhidmat akan mahu



KOAY CHEE KHOON

gaji ditingkatkan juga sekurang-kurangnya sehingga 30 peratus bagi turut sama memberi keadilan kepada mereka.

Selain itu, katanya, risiko mengurangkan tenaga kerja juga tidak mustahil berlaku kepada majikan bagi mengurangkan kos.

"Kalau boleh pelaksanaan gaji minimum tersebut dilaksanakan secara berperingkat contohnya peningkatan RM50 atau RM100 terlebih dahulu memandangkan sebelum ini juga sudah ada peningkatan gaji minimum," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, majikan di tiga neg-

eri tidak bersedia melaksanakan gaji minimum RM1,700 kerana pertumbuhan ekonomi dan ekosistem perniagaan yang belum kukuh untuk menampung kenaikan sebanyak RM200.

Majikan dan peniaga di Perlis serta Kelantan dijangka terkesan dengan pelaksanaannya berikutan saiz negeri yang kecil dan kos sara hidup rendah manakala di Sabah ekoran masalah kos bahan mentah yang jauh lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan gaji minimum RM1,700 bakal berkuat kuasa mulai 1 Februari depan bagi majikan yang mempunyai lima pekerja atau lebih sebagaimana diumumkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025, Jumaat lalu.

Tambah Chee Khoon, pelaksanaan gaji minimum tersebut dicadangkan dilaksanakan mengikut pengkelasan di negeri-negeri besar.

Katanya, di Perlis contohnya, majikan secara mikro atau kecil-kecilan sahaja yang terpaksa menanggung kos lebih tinggi dengan pelaksanaan gaji minimum tersebut.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:2.3.OCT.2024.



RUSDI OMAR

PADA satu majlis simbolik kelmarin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz mengetuai 75 kakitangan dan pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menandatangani opsyen Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

Sebagai KPPA, beliau tidak teragak-agak menandatangani opsyen ini kerana memang ia memberi sesuatu yang lebih baik daripada sekarang.

SSPA ini sebenarnya memberi manfaat yang sangat besar kepada penjawat awam kerana selain pelarasan gaji, ia juga menekankan pembangunan modal insan dan laluan kerjaya.

Tindakan KPPA ini menunjukkan keyakinan beliau terhadap sistem baharu ini, satu langkah yang menonjolkan prinsip kepimpinan melalui teladan.

Dalam dunia pentadbiran moden, kepimpinan yang berkesan tidak hanya tertumpu kepada arahan dan kawalan, tetapi juga melalui contoh yang diberikan oleh pemimpin.

Pemimpin seperti Max Weber, seorang ahli sosiologi Barat yang terkenal dengan konsep kepimpinan birokrasi, menekankan kepentingan profesionalisme dan kepercayaan terhadap sistem yang diperkenalkan.

Apabila seorang ketua seperti KPPA sendiri menandatangani opsyen SSPA, ia memperkukuh keyakinan bahawa sistem ini adalah pilihan yang terbaik, lantas menghilangkan sebarang keraguan dalam kalangan penjawat awam lain.

Kepimpinan melalui teladan penting kerana ia memberi isyarat jelas kepada seluruh organisasi bahawa pemimpin yakin dengan arah tuju yang diambil.

Selain itu, dalam tradisi Timur, pemikiran Sun Tzu dalam *Seni Peperangan* menekankan pemimpin yang berjaya adalah mereka yang bertindak terlebih dahulu dan mewujudkan contoh.

Sun Tzu menyebut, seorang pejuang yang bijak, mengambil inisiatif dan memaksakan kehendaknya kepada musuh.

Dalam konteks ini, KPPA mengambil tindakan yang bijaksana untuk menandatangani opsyen SSPA dan ini adalah satu contoh kepimpinan proaktif yang dapat membimbing



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz (depan, lima dari kanan) mengambil tindakan bijaksana menandatangani opsyen Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) sekali gus memberi contoh kepimpinan proaktif yang dapat membimbing kakitangan bawahannya untuk melakukan keputusan serupa. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

SSPA tingkat kualiti perkhidmatan awam

SSPA ini bukan sahaja menjanjikan penambahbaikan dari segi gaji tetapi juga peluang untuk kenaikan pangkat dan faedah pencen yang lebih baik."

kakitangan bawahannya untuk melakukan keputusan serupa.

SSPA ini bukan sahaja menjanjikan penambahbaikan dari segi gaji tetapi juga peluang untuk kenaikan pangkat dan faedah pencen yang lebih baik.

Pelarasan gaji sebanyak 15 peratus untuk kumpulan pelaksana dan profesional serta tujuh peratus untuk kumpulan pengurusan tertinggi bermula pada Disember tahun ini dijangka memberi kesan positif kepada pendapatan penjawat awam.

Langkah ini juga akan disusuli dengan pelarasan pencen berasaskan kumpulan perkhidmatan, yang memberi jaminan bahawa kesejahteraan penjawat awam selepas bersara turut terpelihara.

Gesakan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (GUEPACS) melalui Presidennya, Datuk Adnan Mat dan Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Mohd. Nordin, jelas menekankan lebih SSPA kepada penjawat awam.

Mereka menyeru 1.4 juta penjawat awam untuk menandatangani opsyen ini kerana ia menawarkan pelbagai manfaat, termasuk peningkatan gaji kompetitif, faedah pencen dipelihara serta peluang kenaikan pangkat yang lebih adil.

Presiden CUEPACS sendiri berkata Sistem Saran Malaysia (SSM) yang dilaksana sejak 2002 umpama kerangka rumah yang lama dan sudah tidak sesuai dengan persekitaran ekonomi semasa negara.

Kata beliau, setelah bertahun-tahun pihaknya berjuang mendapatkan skim saran baharu yang lebih adil dan kompetitif, jadi ini adalah peluang dan masa terbaik untuk semua penjawat awam menikmatinya.

Sekiranya penjawat awam tidak mendengar suara CUEPACS, yang merupakan suara perwakilan mereka, maka suara siapa lagi yang patut mereka ikuti?

Bagaimanapun, penjawat awam yang memilih untuk kekal dengan SSM tetap

dilayan dengan adil, namun mereka akan ketinggalan dari segi kelebihan seperti pelarasan gaji dan faedah yang lebih baik.

Dalam hal ini, tempoh 40 hari yang diberikan sehingga 30 November 2024 adalah ruang yang mencukupi untuk mereka berfikir secara rasional tanpa paksaan. Tindakan memilih SSPA adalah satu keputusan yang bijak bagi mereka yang ingin memperbaiki taraf hidup serta peluang kerjaya.

Pengorbanan yang ditunjukkan oleh barisan Pengurusan Tertinggi Gred Utama Turus dengan secara sukarela melepaskan pelarasan gaji permulaan 7 peratus juga merupakan satu langkah simbolik yang signifikan.

Ini membuktikan kesediaan mereka menyokong langkah-langkah kerajaan dan meletakkan kepentingan negara dan sektor awam di hadapan.

Sikap ini wajar dipuji kerana ia memberikan contoh kepimpinan yang benar-benar memahami keutamaan semasa, selaras dengan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa pembentangan Belanjawan 2025 baru-baru ini.

Pengorbanan ini juga memberi isyarat jelas

bahawa pemimpin tertinggi dalam kerajaan komited terhadap usaha memperbaiki kesejahteraan rakyat.

BANYAK MANFAAT

Sepertimana disebutkan oleh Perdana Menteri, melai penstrukturan semula gaji penjawat awam kepada SSP ini penjawat awam akan memperoleh pendapatan minimum RM2,115 sebulan dengan RM10 bilion untuk 2025 tambahan daripada yang lalu.

Lebih dari itu, kerajaan juga bersetuju memberikan bantuan khas kewangan RM500 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak serta bantuan khas sebanyak RM250 kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpence dan tidak berpence.

Ini semua adalah bukti kerajaan benar-benar mahu menjaga kebajikan penjawat awam.

Melalui sesi libat urus set jabatan dan Kementerian kepada penjawat awam untuk sepenuhnya mengenai SSPA kepada warga mereka, diharapkan semua penjawat awam akan menerima opsyen ini.

Ditambah oleh kepimpinan melalui teladan oleh KPPA dan barisan Pengurusan Tertinggi Gred Utama Turus yang memberikan motivasi kepada penjawat awam untuk turut serta dalam opsyen ini demi kesejahteraan mereka dan peningkatan kualiti perkhidmatan awam di Malay

PROFESOR Dr. Rusdi Omar adalah Dekan di Pusat Pengajian Siswaz Kerajaan Ghazali Shafie (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM).

Bimbang dibuang kerja, risau dilabel sebagai gila

Pekerja 'takut' bincang isu mental

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Isu kesihatan mental di tempat kerja masih dilihat sebagai perkara sensitif untuk dibincangkan dengan hanya 55 peratus pekerja di negara ini berasa selesa memberitahu pihak pengurusan mengenai masalah yang mereka hadapi.

Menurut laporan *Employment Hero*, peratusan tersebut membangkitkan kebimbangan terhadap kesihatan mental di tempat kerja kerana ia dilihat masih menghalang pekerja daripada mendapatkan sokongan yang diperlukan.

Malah, 30 peratus pekerja mendapati tekanan kewangan dan peningkatan kos sara hidup sebagai punca utama mereka berdepan masalah keletihan melampau yang mendorong kepada masalah kesihatan mental.

Berdasarkan laporan *Business Today*, 50 peratus pekerja menyatakan majikan menyokong inisiatif kesihatan mental manakala 49 peratus masih bim-



UM
23/10

Tekanan kerja, hubungan rakan sekerja dan beban tugas memberi kesan yang besar terhadap kesihatan mental pekerja serta menjejaskan motivasi dan produktiviti pekerja."

SHAZLI EZZAT GHAZALI

bang pendedahan mengenai isu berkenaan mungkin membawa kesan negatif seperti halangan dalam kerjaya atau penilaian negatif daripada rakan sekerja.

Selain itu, 68 peratus pekerja Melayu berisiko menghadapi tekanan mental di tempat kerja, diikuti Cina (25 peratus) manakala India (7 peratus).

Pakar psikologi di Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr. Shazli Ezzat Ghazali berkata, peningkatan gangguan kesihatan mental adalah disebabkan beban kerja berlebihan, tekanan masa, ketidakstabilan pekerjaan dan kurangnya keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi.

Menurutnya, tekanan peribadi dihadapi di luar tempat kerja mungkin terbawa-bawa ke dalam persekitaran kerja memberi kesan kepada kesejahteraan mental dan ketidakmampuan pekerja mengurusnya.

Jelasnya, fenomena *fear of missing out* (FOMO) atau ketakutan untuk terlepas peluang semakin menjadi isu di tempat kerja sekali gus menyebabkan peningkatan tekanan mental dalam kalangan pekerja.

"Tekanan kerja, hubungan rakan sekerja dan beban tugas memberi kesan yang besar terhadap kesihatan mental pekerja serta menjejaskan motivasi dan produktiviti pekerja.

"Tekanan tidak terkawal boleh menyebabkan kebim-

bang dan keletihan mental. Hubungan rakan sekerja yang tegang boleh menambah lagi tekanan manakala beban tugas terlalu tinggi atau tidak realistik boleh membawa kepada keletihan emosi dan fizikal," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menunjukkan satu daripada tiga rakyat Malaysia mengalami masalah kesihatan mental.

Laporan *Jobstreet by Seek* 2024 mendedahkan 18 peratus pekerja mengkategorikan tempat kerja sebagai 'sangat tertekan' dengan industri perkhidmatan pengguna sebagai paling tertekan, diikuti peruncitan dan perdagangan.

Menurut laporan itu, punca utama tekanan termasuk beban kerja yang berat (37 peratus), kekurangan latihan atau sokongan (30 peratus) dan tekanan tinggi daripada pihak pengu-
rusan atau persekitaran yang perlukan kepantasan dalam melakukan kerja (29 peratus).

Mengulas lanjut, Shazli berkata, isu kesihatan mental turut

berpunca daripada ketidakupayaan pekerja untuk melaksanakan tugas disebabkan oleh ketidakserasian dengan pekerjaan atau kekurangan kemahiran.

"Kes buli di tempat kerja juga antara faktor berlakunya masalah kesihatan mental. Individu yang pernah dibuli atau berasa lemah cenderung membuli orang lain sebagai cara menutup kelemahan diri mereka.

"Tekanan yang timbul daripada gaya hidup moden dan penggunaan media sosial turut menyumbang kepada masalah mental yang mana pekerja mula membandingkan diri dengan orang lain," jelasnya.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), satu daripada 10 pekerja mengalami masalah kesihatan mental seperti tekanan kronik, kebimbangan atau kemurungan.

Menjelang 2030, masalah kesihatan mental berisiko menjadi penyakit kedua terbesar selepas penyakit jantung jika tiada program pencegahan yang efektif dilaksanakan.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:23 OCT 2024

Idea laksana sistem dua harga petrol kurang bijak

Oleh **ASLINDA NASIR**
dan **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamula.com.my

UM 22/10

KUALA LUMPUR: Cadangan kerajaan melaksanakan sistem dua harga bagi kadar pasaran petrol RON95 akan merumitkan pengendali, malah menganggapnya sebagai idea kurang sempurna dan kurang bijak.

Sistem dua harga itu bertujuan 15 peratus golongan T15 membayar kadar semasa pasaran petrol RON95, sementara yang lain mengikut harga subsidi.

Datuk Seri Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) berkata, jika tetap dilakukan, ia turut akan merumitkan pekerja stesen petrol dan pengguna ketika mengisi minyak selain berisiko menambah kos proses menjual.

"Kenapa pula 85 peratus rakyat dan stesen petrol dirumitkan hanya sebab mahu dikenakan 15 peratus?" soalnya di Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, kerajaan sepatutnya mengenakan levi petrol kepada golongan berkecukupan ketika memperbaharui cukai jalan.

Beliau menambah, dengan cara itu, kerajaan tidak perlu melaksanakan sistem dua harga di stesen minyak, namun dalam masa sama masih mengutip wang sebagai kos subsidi bagi golongan T15.

"Katakan setiap kenderaan golongan T15 isi minyak 50 liter seminggu atau sekitar 2,600 liter setahun, manakala kos subsidi ialah RM1 satu liter,

kerajaan boleh pula kenakan levi petrol RM2,600 setahun ke atas lesen kenderaan golongan T15.

"Sekiranya mereka benar-benar dari golongan T15 atau mampu beli kereta melebihi RM300,000, saya rasa ia bukan masalah untuk mereka bayar RM2,600 setahun bagi setiap kenderaan milik mereka," jelasnya.

Semalam, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan bersedia berdepan reaksi awam berhubung komitmen untuk menarik semula subsidi petrol mulai pertengahan 2025.

Beliau juga berkata, kerajaan sedang mempertimbangkan sistem dua harga supaya 15 peratus T15 membayar petrol mengikut harga pasaran.

Mengulas lanjut, Ka Siong turut mempersoalkan gelaran T15 yang diwujudkan oleh kerajaan.

"Saya pun tak faham dari mana datangnya T15 ini? Kerajaan kena konsisten. Tak boleh sesuka hati, sekejap T15, T18, T20, maha kayalah. Saya anggap pasangan guru gred DG48 ke atas juga dikategorikan sebagai T15 dan dianggap sebagai maha kaya adalah adil bagi pasangan suami isteri yang rajin bekerja.

"Ini seolah-olah menghukum pasangan suami isteri yang rajin bekerja setiap hari untuk memperoleh RM13,295 sebulan. Mana mungkin gaya hidup pasangan guru ini setaraf dengan jutawan?" soalnya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 23 OCT 2024



RAFIDAH Aziz bersama sebahagian daripada barisan penulis buku pada Majlis Pelancaran Buku *Father and Their Wisdom* di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

Setiap sen perlu diawasi, elak ketirisan - Rafidah

UM 22/10

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Setiap peruntukan yang dibentangkan dalam Belanjawan 2025 perlu diawasi dengan teliti untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan tidak mengalami ketirisan dan dimanfaatkan sepenuhnya bagi memenuhi keperluan rakyat.

Bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz berkata, walaupun tiada projek mega diumumkan dalam belanjawan kali ini, pemantauan ketat terhadap peruntukan besar kepada agensi-agensi kerajaan adalah amat penting.

"Kita perlu memastikan setiap ringgit dibelanjakan dengan berhemah dan mematuhi tujuan asal, tanpa penyelewengan.

"Ketirisan bukan sahaja akan membebankan kewangan ne-

gara, malah akan menjejaskan kredibiliti kerajaan dalam menguruskan sumber negara," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Buku *Father and Their Wisdom* di Royal Lake Club, di sini semalam.

Terdahulu, media melaporkan sejumlah RM421 bilion diperuntukkan untuk Belanjawan 2025 merangkumi sekitar 20.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), dengan RM335 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus, manakala RM86 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Mengulas lanjut, Rafidah juga menekankan dialog bersama sektor swasta dan persatuan-persatuan perlu diadakan lebih kerap untuk memastikan peruntukan diberikan memberi manfaat yang nyata kepada semua lapisan masyarakat.

Kata beliau, dalam usaha memastikan integriti perbelanjaan, sistem pemantauan perlu diperketatkan di semua peringkat daripada kerajaan persekutuan hingga ke institusi bawahan.

"Belanjawan bukan sekadar alat untuk meraih sokongan politik atau undi. Jika kerajaan benar-benar melaksanakan projek yang memberi manfaat kepada rakyat, sokongan akan datang secara semula jadi tanpa perlu membeli undi melalui imbuhan atau projek yang tidak relevan.

"Cadangan untuk pemantauan berkala setiap enam hingga tiga bulan juga diusulkan bagi membendung sebarang bentuk penyelewengan sebelum ia menjadi lebih parah," katanya.

Selain itu, Rafidah berkata, pendekatan menyeluruh juga perlu dimaklumkan kerajaan dalam pelaksanaan subsidi.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 23 OCT 2024

Hampir 66 peratus miskin tegar berjaya diselesaikan

Oleh ASLINDA NASIR
dan HAFIZ SAIDINA

utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan berjaya menyelesaikan sebanyak 65.6 peratus daripada 22,893 kemiskinan tegar yang didaftarkan sehingga 1 Ogos lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jumlah itu bagaimanapun tidak memenuhi keseluruhan jumlah tuntutan, sekali gus meminta semua kerajaan negeri membuat pendaftaran baharu bagi menyelesaikan masalah itu.

Katanya, usaha itu memerlukan kerjasama antara kerajaan Persekutuan dengan negeri melibatkan menteri besar, pegawai jajahan dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) untuk membuat pendaftaran baharu serta menoktahkan kemiskinan secara keseluruhan.

"Apa yang diperoleh setakat 31 Januari 2023 adalah setiap ketua isi rumah termasuk kategori miskin tegar 126, 372 orang dan setakat 29 Julai 2024, yang dikesan dari Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) dan e-kasih telah diselesaikan.

"Pada 1 Ogos 2024 kita buka untuk permintaan baharu termasuk rekod lama yang perlu dibantu 22,893 orang, ia setakat Julai tahun ini," katanya menjawab soalan Datuk Siti Zailah Mohd. Yusoff (PN-Rantau Panjang) di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri juga tidak setuju dengan dakwaan Siti Zailah kerajaan gagal menamatkan kemiskinan tegar mengikut tempoh yang disasarkan.

Sebaliknya beliau berkata, jumlah isi rumah yang masih berada dalam kategori tersebut turut didorong daripada rekod sebelum ini iaitu ketika Perikatan Nasional (PN) mengetuai pentadbiran kerajaan.



ANWAR Ibrahim ketika menjawab soalan di Dewan Rakyat semalam.

"Janganlah kata gagal, jumlah ini adalah masa kerajaan yang disokong oleh Rantau Panjang, kita guna angka itu dan kita selesaikan," katanya.

Mengenai mekanisme yang digunakan bagi menentukan kategori miskin tegar, Perdana Menteri menjelaskan, ukuran yang digunakan adalah berdasarkan per kapita.

"Dulu kita ambil pendapatan, tetapi kita lihat ada kelemahan umpamanya kalau pendapatan RM2,000 tetapi empat isi rumah, jadi pendapatan sebenar RM500. Berbeza RM2,000 dengan lapan isi rumah, jadi pendapatan sebenar adalah RM250.

"Sebab itu ia diubah dari pendapatan kepada per kapita, saya rasa lebih tepat, tetapi ia perlu mengambil kira per kapita berapa orang anak dan tanggungan," ujarnya.

Perdana Menteri dalam masa sama turut menjelaskan yang pihaknya tiada masalah untuk

bekerjasama dengan kerajaan negeri dan keadaan itu berbeza dengan ahli Parlimen dalam menyelesaikan masalah rakyat.

"Kenapa perlu bekerjasama? Sebab ada peruntukan dari kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, ada zakat dan sebagainya. Jadi kita gabungkan semua itu dan saya sebut tadi, pendekatan yang kita gunakan mengikut angka terkini. Sekian untuk tahun pertama dan saya yakin ini boleh selesai," ujarnya.

Pada 30 September lalu, Anwar mengumumkan kerajaan mengukur kemiskinan tegar dalam negara menggunakan konsep Pendapatan Boleh Guna Bersih (NDI) sebagai asas mengenal pasti kumpulan sasar untuk pemberian bantuan.

Sementara itu, Anwar memberitahu, pelantikan ahli lembaga pengarah syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat milik kerajaan (GLC) dibuat berdasarkan kelayakan mereka.

Kata beliau, setiap individu yang dilantik perlu melalui beberapa proses termasuk semakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Yang dilantik profesional, apakah mereka pernah pegang jawatan politik itu bukan soal, siapa yang layak kita tak diskriminasi orang politik atau bukan tapi syarat itu dan keutamaan sebahagian besar adalah golongan profesional. Melainkan beberapa bidang umpamanya institusi kewangan dan beberapa agensi terikat dengan kewangan itu tak diizinkan ahli politik dilantik sebagai ahli lembaga pengarah.

"Itu memang tegas dan kita mendukung prinsip yang ditekankan oleh Bank Negara Malaysia," katanya ketika menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang).

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:2.3...OCT...2024..

Kerajaan kaji naikan bantuan tunai secara berkala

4M
23/10

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersedia mengkaji cadangan untuk membuat pindaan undang-undang bagi menaikkan nilai ambang pendapatan rakyat bagi melayakkan permohonan ban-

tuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peningkatan tersebut disifatkan wajar untuk dilakukan berdasarkan

kenaikan kos sara hidup pada waktu ini.

"Cadangan menetapkan dari segi pindaan undang-undang kita akan kaji ia satu cadangan baharu, jadi kita akan li-

hat umpamanya keperluan meningkatkan (bantuan tunai) berdasarkan kenaikan kos sara hidup," katanya di Dewan Rakyat.

Terdahulu, Syed Saddiq

Syed Abdul Rahman (MUDA, Muar) mencadangkan Perdana Menteri melakukan pindaan undang-undang supaya peninkatan bantuan tunai (STR) dapat dibuat secara berkala.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 23 OCT 2024

'NO COMPROMISE'

WORKPLACE BULLYING GUIDELINES OUT SOON

This is to safeguard mental wellbeing of healthcare workers, ministerial staff, says Dr Dzulkefly

KUALA LUMPUR

THE Health Ministry is set to issue guidelines for managing workplace bullying for its staff through the National Centre of Excellence for Mental Health.

Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the guidelines were aimed at boosting awareness among healthcare workers

regarding workplace bullying.

He said the guidelines would clarify reporting procedures, as well as outline prevention and intervention measures for individuals and organisations.

"As the ministry which is leading the health sector, efforts and initiatives have been implemented to end bullying issues to safeguard the mental wellbeing of ministerial staff.

"The ministry will not compromise on the issue of bullying.

"The ministry also takes a firm and transparent approach by reporting the findings once inves-

tigations are completed."

Dr Dzulkefly said this in response to Dr Kelvin Yee Lee Wuen (Pakatan Harapan-Bandar

Kuching), who enquired about the ministry's plan to eradicate bullying in government hospitals and clinics.

On Oct 16, Dr Dzulkefly said the ministry would identify and investigate hospitals with reported cases of doctors getting bullied.

He said a special task force would look into these cases, following the death of a pathologist at Lahad Datu Hospital, and it would expand the investigation to other healthcare facilities.



NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 23 OCT 2024

'HARDCORE POVERTY AID NOT RACE-BASED'

Govt does not discriminate based on ethnicity, Anwar tells Dewan Rakyat

NOR AIN MOHAMED RADHI
AND QISTINA SALLEHUDDIN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim speaking in the Dewan Rakyat yesterday. He says up to Monday, hardcore poverty in 15,029 households has been resolved. BERNAMA PIC

THE government does not discriminate based on race in its efforts to eradicating hardcore poverty.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the efforts were not carried out according to ethnic background.

"While the majority of those in hardcore poverty are Malays, the poorest among them are from the Indian community.

"For instance, when we address hardcore poverty in Kuala Lumpur, we do not differentiate by ethnicity. All those in hardcore poverty include the Malays, a small number of Chinese, and a significant number from the Indian community.

"If it is claimed that assistance is only for Malays, it's important to note that while they make up a large portion, we are not only helping them. I hope this explanation is clear.

"Our commitment to eradicating hardcore poverty for everyone is clear. If there are any statements suggesting otherwise, please let me know, as they contradict our policy.

"Anyone in extreme poverty, as long as they are citizens, must be helped without discrimination," he said in response to a supplementary question from S. Kesavan (PH-Sungai Siput) during Prime Minister's Question Time in the Dewan Rakyat yesterday.

In response to an initial question from Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang), Anwar said up to Monday, hardcore poverty in 15,029 households had been resolved.

"Up to Jan 31, 2023, the number of households in the hardcore poverty category was 126,372. *Alhamdulillah*, on July 29 this year, the number, identified through the Implementation Coordination Unit and e-Kasih data, has been resolved.

"This success led to new registrations when we opened for

new applications on Aug 1, including for those who felt they needed to apply again. A total of 22,893 households have registered.

"Up to yesterday (Monday), hardcore poverty cases for 15,029 households, or 65.6 per cent, have been resolved. We will continue to address the remaining cases."

Siti Zailah had asked about the status of the government's efforts to eradicate hardcore poverty.

Anwar said he had asked the state governments to continue registering the hardcore poor in their states.

"It requires cooperation between the federal and state government machineries, involving chief ministers, menteri besar, district officers and state secretaries, to undertake new registrations and eradicate poverty as a whole.

"We (the government) are receiving good cooperation from all state governments in our efforts to eradicate hardcore poverty."

Anwar disagreed with Siti Zailah's statement that the government had failed to eradicate hardcore poverty within the targeted timeframe.

He said the number of households in the category stemmed from previous records under the Perikatan Nasional government.

"Don't call it a failure. The number comes from the government supported by Rantau Panjang (Siti Zailah). We are using that figure and we will resolve it."

On the mechanism used to categorise the hardcore poor, Anwar said it was measured by income in the past.

"However, we noticed weaknesses in this approach. For example, if the income is RM2,000 per month but there are four household members, the actual income per person is only RM500.

"That's why we have shifted from assessing total income to per capita income. I believe this approach is more accurate as it takes into account the number of children and dependents."

On another issue, Anwar said the proposed merger of Bank Pembangunan Malaysia Bhd (BPMB), Exim Bank and SME Bank will not overlook the needs of micro, small and medium enterprises (MSMEs) and the Bumiputeras.

He said this was among the key conditions imposed by Bank Negara Malaysia on the merger.

"The requirement regarding MSMEs and Bumiputera loans remains a key criterion and part of the merger policy," he said in response to Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail (PN-Kubang Pasu).

At a separate event, Deputy Entrepreneur and Cooperatives Development Minister Datuk Seri R. Ramanan said the 2025 Budget tabled on Friday was a budget for all Malaysians, with no community left out. He criticised certain parties for claiming that the Indian community felt marginalised after being allocated RM130 million under the Budget.

"For the Indian community, the prime minister has stated many times... not to divide (allocations by community)," he said.

"(Certain parties) say only RM130 million has been given to the Indian community. Does this mean the allocation provided for health is not for the Indian community? Indians won't get it? No, it is for all."

Page 1 pic: Andak Bah Katichong (left) and Wan Jiha Bah Tat showing the Sumbangan Tunai Rahmah they received at the Orang Asli settlement in Kuala Woh in Tapah, Perak, last year.

MACC committed to producing skilled officers

■ BY ANDREW SAGAYAM
newsdesk@thesundaily

PETALING JAYA: The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) remains committed to producing well-trained officers equipped with legal knowledge, investigative skills and character development to boost public confidence in its efforts to combat corruption, abuse of power and misconduct.

A total of 111 cadet officers from the assistant superintendent grade P29 cohort have completed the MACC Basic Officer Course Series 28 Batch 1 of 2023.

This includes the MACC Basic Course Accreditation Programme and the Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level Five), which spans nine months.

Malaysian Anti-Corruption Academy

(MACA) director Datuk Saiful Ezral Arifin said upon completing the required basic course modules, cadets receive the Postgraduate Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level Five).

The programme has been a collaborative effort between MACC and Nottingham Trent University, United Kingdom since 2018.

He said cadets must also pass the polygraph test, which is a crucial requirement for entering the basic course that ensures candidates possess high levels of integrity.

The graduation ceremony for the assistant superintendent grade P29 cohort will be attended by MACC Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki tomorrow.

"This is the first time the ceremony will be held at MACC's new basic training centre in Bandar Enstek, Nilai in Negeri Sembilan. It is the first training centre owned by MACC and

managed by MACA, which is responsible for enhancing the efficiency and professionalism of MACC officers and staff through training programmes.

"The training centre, covering about 24,000 square meters, was handed over to MACC by the Prime Minister's Department Property Management Division on Nov 1, 2023. It can accommodate around 200 cadets and is equipped with essential facilities such as a parade ground, dormitories, lecture halls, a cafeteria, *surau* and rest areas."

He said MACC is grateful to the prime minister and the government for their commitment in terms of financial allocations, staffing, logistics and trust, ensuring the anti-corruption agenda achieves the goal of reaching a top 25 position in the Corruption Perception Index rankings within the next 10 years.

THE SUN
23 OCT 2024

Tarikh: